

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Sunday, April 30, 2017 9:51 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin
Subject: BENGKEL PERBINCANGAN DOKUMENTASI PRAKTIKUM ISO 2017



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia



30 April 2017 / 3 Syaaban 1438 Hijrah

=====

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Assalamualaikum & Salam Sejahtera.

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan,

BENGKEL PERBINCANGAN DOKUMENTASI PRAKTIKUM ISO 2017



PPA UUM CAS ONLINE: Komitmen Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni (PPA) untuk menyelesaikan sistem pengurusan kualiti dan hal-hal berkaitan praktikum pelajar UUM yang diperlukan dalam ISO telah dijayakan dengan berlangsungnya Bengkel Perbincangan Dokumentasi Praktikum MS ISO 9001: 2008 – Prosedur Kualiti pada 18 April 2017 di Bilik Gerakan Pelajar, UUM CAS. Seramai 10 pegawai yang terdiri daripada staf dari pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, College of Arts and Sciences (PPA CAS), College of Business (PPA COB) dan College of Law, Government & International Studies (PPA COLGIS) telah terlibat dalam bengkel ini. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk melakukan penambahbaikan Dokumen ISO sedia ada agar selaras dengan beberapa perubahan prosedur yang berlaku mengikut perkembangan semasa.



Bengkel perbincangan ini dimulakan dengan penerangan tentang skop dokumen yang meliputi keseluruhan program praktikum pelajar UUM mulai dari pendaftaran sehingga pemberian gred praktikum diedarkan kepada jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) yang telah diberikan oleh Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni College of Arts and Sciences. Percambahan fikiran telah dilakukan dalam penyelarasan permohonan dan penempatan praktikuM pelajar UUM oleh pegawai yang terlibat. Para pegawai juga turut menekankan isu-isu berkaitan pelajar yang akan menjalankan praktikum yang mungkin berlaku. Disamping itu, semakan turut dibuat terhadap kesemua cadangan yang telah dikemukakan dan cadangan yang hampir sama atau berulang telah digugurkan.



Menurut pegawai yang terlibat iaitu Siti Patimah Abd Rahman dari pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni College of Arts and Sciences (PPA CAS) berkata bengkel ini dapat dijadikan rujukan untuk memudahkan pegawai dalam menjalankan pengurusan tugas harian. Justeru itu, bengkel ini diharap dapat diadakan lagi untuk penambahbaikan mengikut perkembangan semasa pada masa akan datang

Sekian dan harap maklum.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my



Students Development & Alumni Office



@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara

Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.